

## SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1991

### **PENGGUNAAN KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)**

---

#### **1. Tujuan**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menerangkan penggunaan kapal-kapal TLDM oleh pihak-pihak yang dibenarkan bagi membantu melaksanakan sesuatu rancangan atau tugas yang dipohon tertakluk kepada persetujuan Departmen Tentera Laut.

#### **2. Latarbelakang**

2.1 Surat Pekeliling yang berkuatkuasa sekarang telah disediakan dalam tahun 1971. Memandangkan beberapa penambahan jenis kapal baru TLDM, maka Surat Pekeliling lama Am 4/71 perlu diubahsuaikan semula mengikut perkembangan semasa.

#### **3. Jenis-Jenis Tugas**

3.1 Kapal-kapal TLDM boleh digunakan dengan syarat ia tidak menjejaskan tugas operasi dimana bantuan perjalanan itu adalah sebagai tugas sampingan TLDM semasa aman.

3.2 Kebanyakan kapal-kapal TLDM adalah jenis tempur yang tidak mempunyai kemudahan untuk membawa penumpang kecuali KD SRI INDERA SAKTI, KD MAHAWANGSA, KD RAJA JAROM dan KD SRI BANGGI. Oleh itu, kapal-kapal lain adalah tidak sesuai untuk digunakan bagi membawa penumpang-penumpang.

3.3 Bagi menentukan penggunaan kapal-kapal TLDM oleh pihak pemohon menjadi lebih mudah dan teratur, jenis-jenis tugas adalah dikategorikan seperti berikut:

- (i) Untuk membawa penumpang-penumpang yang bukan anggota-anggota Tentera.
- (ii) Untuk membawa barang-barang logistik bagi kegunaan awam yang bukan bercorak letupan atau eksplosif.

- (iii) Untuk membawa barang-barang yang bercorak letupan dan eksplosif bagi kegunaan awam.
- (iv) Untuk membawa kenderaan bermotor bagi kegunaan dan kepunyaan awam.
- (v) Digunakan untuk gerakan menyelamatkan di laut.
- (vi) Untuk tugas-tugas khas seperti di perenggan 4.2 (iii).

#### **4. Klasifikasi Perjalanan/Tugas**

Bagi tujuan pembayaran, jenis perjalanan atau tugas dibahagikan seperti berikut:

##### **4.1 Kelas A**

- (i) Membantu dalam menyelamatkan.
- (ii) Membawa Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.
- (iii) Membawa Menteri-Menteri dan Anggota-Anggota Kabinet atau Tetamu-Tetamu Khas Kerajaan.
- (iv) Membawa Kapten Yang DiPertua TLDM di dalam menjalankan tugas-tugas rasmi.

##### **4.2 Kelas B**

- (i) Membawa Sultan, Raja dan Yang DiPertua Negeri.
- (ii) Membawa Anggota-Anggota Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- (iii) Membantu Jabatan-Jabatan Persekutuan atau Negeri dalam membuat kerja mengukur, penyiasatan ikan dan lain-lain.
- (iv) Membantu pertubuhan-pertubuhan awam yang lain.

#### **5. Jenis-Jenis Kapal dan Bayaran Penggunaan**

5.1 Bayaran tidak dikenakan bagi kegunaan untuk perjalanan atau tugas Kelas A. Bayaran bagi Kelas B adalah kadar berpatutan bagi menguruskan perjalanan

secara langsung. Anggaran bayaran yang dikenakan akan diberitahu oleh Departmen Tentera Laut dan hendaklah dibayar melalui cek/bank draf atas nama Akauntan Kanan Perbendaharaan, Kementerian Pertahanan sebelum kapal belayar. Pihak pengguna akan diberitahu kemudian akan bayaran sebenar selepas perkhidmatan diberikan samada bayaran tambahan diperlukan atau lebih bayaran pendahuluan yang diterima akan dibayar balik. Butir-butir bayaran dan penggunaan adalah seperti di Lampiran "A".

5.2 Untuk melaksanakan tugas-tugas seperti di para 4.2 (iii) dan 4.2 (iv), TLDM boleh menimbangkan penggunaan kapal-kapal lain yang difikirkan sesuai selaras dengan operasi yang akan dijalankan. Bagi kapal-kapal yang digunakan untuk melaksanakan tugas di atas bayaran yang akan dikenakan adalah seperti di Lampiran "B".

## **6. Tempoh Sewaan**

6.1 Tempoh sewaan ke atas sebuah kapal itu dikira dari bermulanya kapal bertolak dari pengkalan "home base" sehingga kapal berkenaan pulang semula ke pengkalan mereka kecuali ianya diarah atau dilencong untuk membuat tugas lain sebaik sahaja selesai melaksanakan keperluan yang dikehendaki oleh pihak pengguna.

## **7. Cara Permohonan**

7.1 Permohonan penggunaan kapal TLDM dari Kelas A, hendaklah dimajukan ke Bilik Gerakan Pertahanan, Kementerian Pertahanan dengan cara yang paling cepat. Semua permohonan lain hendaklah dibuat melalui borang di Lampiran "C" dua minggu sebelum perjalanan kepada Departmen Tentera Laut Operasi, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.

## **8. Peraturan Penggunaan Kapal**

8.1 Pihak pengguna adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan oleh Departmen Tentera Laut dan Pegawai Memerintah Kapal-kapal berkenaan. Sebarang keputusan untuk melakukan perjalanan, membawa penumpang atau muatan barang-barang serta beratnya ke dalam kapal adalah terpulang kepada Pegawai Memerintah kapal berkenaan.

8.2 Pihak pengguna juga dimestikan dan diwajibkan menandatangani Sijil Tanggung Rugi (Indemnity Certificate) yang disediakan oleh pihak TLDM sebelum menaiki kapal atau menggunakan kemudahan kapal TLDM untuk membawa muatan barang-barang. Sijil Tanggung Rugi tersebut adalah seperti di Lampiran "D" Surat Pekeliling ini.

8.3 Pihak Kerajaan Malaysia, Kementerian Pertahanan, Tentera Laut DiRaja Malaysia, Pegawai Memerintah Kapal, pekerja-pekerja atau wakil-wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan dan dipersalahkan dan adalah bebas dari sebarang liabiliti sekiranya berlaku kemalangan jiwa dan/atau kecederaan diri, kerosakan atau kecacatan atau kehilangan muatan barang-barang atau harta benda akibat menggunakan kapal TLDM tersebut.

## 9. **Pertanyaan**

9.1 Sebarang pertanyaan untuk penjelasan lanjut hendaklah dirujuk kepada Pegawai Staf I Operasi, Departmen Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, Telefon 2921333 sambungan 2325 atau 3378.

## 10. **Tarikh Kuatkuasa**

10.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

## 11. **Pembatalan**

11.1 Surat Pekeliling Am No. 4 Tahun 1971 adalah dengan ini dibatalkan.

**(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)**  
Ketua Setiausaha Negara

**BAYARAN PENGGUNAAN**

<i>No. Siri</i>	<i>Nama Kapal</i>	<i>Jumlah Bayaran (Sejam)</i>	<i>Catatan</i>
1.	KD SRI INDERA SAKTI	\$1,300.00	Jumlah bayaran berdasarkan:
2.	KD MAHAWANGSA	\$1,250.00	(a) PMP (Minyak)
3.	KD RAJA JAROM	\$ 550.00	(b) Air Tawar
4.	KD SRI BANGGI	\$ 550.00	(c) Wear and Tear (d) Tenaga Kerja

**JUMLAH MUATAN**

<i>No. Siri</i>	<i>Nama Kapal</i>	<i>Penumpang</i>		<i>Kargo</i>		<i>Kenderaan</i>	
		<i>VIP</i>	<i>Bukan VIP</i>	<i>Am</i>	<i>Letupan</i>	<i>Land Rover</i>	<i>3 Ton</i>
1.	KD SRI INDERA SAKTI	4	200	400 T	-	24	16
2.	KD MAHAWANGSA	2	150	-	400 T	20	23
3.	KD RAJA JAROM	-	200	400 T	-	24	23
4.	KD SRI BANGGI	-	50	400 T	-	24	23

\* Nota: Bagi KD MAHAWANGSA, kargo am juga boleh asalkan jumlah kedua-dua kargo tidak melebihi 400 T.

**BAYARAN PENGGUNAAN**

<i>No. Siri</i>	<i>Nama Kapal</i>	<i>Jumlah Bayaran (Sejam)</i>	<i>Catatan</i>
1.	KAPAL RONDA	\$150.00	-
2.	BOT TUNDA	\$200.00	-
3.	KD DUYUNG	-	Sila lihat catatan di bawah

- \* Bagi penyewaan KD DUYUNG terutama untuk keperluan operasi atau kerja-kerja menyelam, jumlah bayaran yang dikenakan akan dikira berasingan. Kadar ini adalah berdasarkan kepada anggota dan peralatan khas yang digunakan untuk memenuhi keperluan pengguna.

Departmen Tentera Laut,  
Kementerian Pertahanan,  
Jalan Padang Tembak,  
50634 Kuala Lumpur.

(U.P: Operasi)

**PERMOHONAN BAGI MENGGUNAKAN  
KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA**

1. Nama Kementerian/Jabatan dan alamat yang membuat permohonan  
.....  
.....
2. Tujuan penggunaan .....  
.....  
.....
3. Bilangan dan jenis kapal yang dikehendaki .....  
.....  
.....
4. Tarikh dan waktu kapal dikehendaki serta nama pelabuhan .....  
.....  
.....
  - (a) Perjalanan dari ..... ke .....
  - (b) Perjalanan dari ..... ke .....
5. Nama-nama dan taraf jawatan tiap-tiap penumpang serta jumlahnya (sertakan senarai) .....  
.....  
.....
6. Berapa banyak barang-barang, beratnya serta ukurannya (sertakan senarai) .....  
.....  
.....  
.....

7. Makanan yang dikehendaki (jenis makanan, iaitu makanan orang-orang Islam, Cina atau Eropah hendaklah dinyatakan) sertakan senarai .....

.....  
.....  
.....

Saya akui bahawa butir-butir yang tersebut di atas adalah betul.

Tandatangan pemohon: .....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

No. Telefon: .....



SIJIL TANGGUNG RUGI

**BORANG PERJANJIAN UNTUK PENUMPANG TIDAK BERKELAYAKAN  
DALAM KAPAL-KAPAL TLDM**

Di atas pertimbangan oleh Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia bersetuju untuk menyediakan atau mengaturkan pengangkutan untuk diri saya/anak lelaki/anak perempuan/sesiapa di bawah jagaan saya atau harta benda/barang-barang

.....  
.....  
(akan diisi oleh pihak pentadbiran TLDM).

Saya ..... bersetuju untuk terikat dan patuh kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah ini:

- (a) Saya bersetuju bahawa tiada akujanji oleh pihak TLDM bahawa kapal akan belayar mengikut pelayaran yang dirancangkan atau kemudahan penginapan disediakan.
- (b) Saya sedia maklum bahawa kapal TLDM tersebut adalah tertakluk kepada kelewatan atau penyimpangan atau perubahan haluan pelayaran.
- (c) Saya bersetuju bahawa pihak Kerajaan Malaysia, Kementerian Pertahanan, Tentera Laut DiRaja Malaysia, Pegawai Memerintah Kapal TLDM, pekerja-pekerja atau wakil-wakil pihak-pihak yang dinyatakan di atas tidak boleh dipertanggungjawabkan dan dipersalahkan dan adalah bebas dari sebarang liabiliti di dalam keadaan-keadaan berikut:
  - (i) Sekiranya kemalangan jiwa atau kecederaan diri berlaku ke atas diri saya/anak lelaki/anak perempuan/sesiapa di bawah jagaan saya ketika menaiki kapal, berada di atas kapal atau turun dari kapal: tanpa mengambilkira faktor-faktor yang menyebabkan ianya berlaku.  
  
atau
  - (ii) Sekiranya hartabenda/muatan barang-barang kepunyaan sendiri yang dibawa di atas kapal rosak, cacat dan/atau hilang ketika berada di atas kapal atau ketika dipindahkan ke kapal

yang lain; tanpa mengambilkira faktor-faktor yang menyebabkan ianya berlaku.

atau

- (iii) Sekiranya sebarang perbelanjaan terpaksa ditanggung tanpa mengira bentuk oleh saya apabila terpaksa diturunkan di pelabuhan selain dari yang dinyatakan dan tiada tanggungjawab diberikan oleh pihak pelabuhan tersebut.
  
- (d) Saya akan sentiasa mematuhi arahan dan peraturan yang diberikan oleh pegawai-pegawai kapal yang berkenaan.
  
- (e) Saya sedia maklum bahawa kapal ini bukanlah dari jenis kapal membawa penumpang dan tidak ada syarat atau kemestian yang kapal ini selamat untuk belayar, membawa penumpang atau mempunyai kemudahan-kemudahan asas untuk penumpang.
  
- (f) Saya bersetuju bahawa ikatan perjanjian ini diletakkan di bawah bidangkuasa undang-undang Malaysia dan Mahkamah Agung, Kuala Lumpur mempunyai bidangkuasa menyelesaikan sebarang pertikaian yang wujud.

Ditandatangani: .....

Nama: .....

Tarikh: .....